



## **Siaran Akhbar**

### **PANGGILAN UNTUK KERJASAMA DALAM PROJEK DEMONSTRASI 5G**

- **MCMC menjemput pemegang sah Lesen Penyedia Kemudahan Rangkaian (NFP) dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP) yang berminat untuk hantar kertas cadangan bagi Projek Demonstrasi 5G**
- **Bertujuan membangun, menguji dan memupuk pelaksanaan kes-kes kegunaan 5G bagi memanfaatkan pertumbuhan ekosistem 5G negara**
- **Serah kertas cadangan anda sebelum tarikh tutup iaitu 15 Julai**

**CYBERJAYA, 2 Julai 2019** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengumumkan Panggilan Untuk Kerjasama kepada pemegang sah Lesen Penyedia Kemudahan Rangkaian (NFP) dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP) yang berminat, untuk menghantar kertas cadangan bagi Projek Demonstrasi 5G.

Pengerusi Kumpulan Kerja Ujian Percubaan 5G, Dr. Ahmad Nasruddin 'Atiqullah Fakrullah berkata, ia bertujuan mencari pemegang lesen yang berminat untuk membangun, menguji dan memupuk pelaksanaan kes-kes kegunaan 5G dalam memanfaatkan pertumbuhan ekosistem 5G di negara ini.

Menurut Dr. Ahmad Nasruddin, kertas cadangan daripada para pemohon haruslah merangkumi beberapa aspek berikut umpamanya ujian percubaan penggunaan rangkaian 5G, penyediaan peralatan dan penggunaan teknologi berkenaan (apabila diperlukan) untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk kegunaan-kegunaan kes dan vertikal yang telah dikenal pasti.

“Bahagian ataupun industri vertikal yang dikenal pasti untuk Panggilan Untuk Kerjasama itu meliputi sektor pertanian, pengangkutan, pendidikan, hiburan dan media, penjagaan kesihatan, pembuatan dan industri pemprosesan, bandar pintar, serta penyelesaian untuk golongan

kelainan upaya. Para pemohon boleh mencadangkan lokasi pilihan masing-masing untuk projek demonstrasi berkenaan,” kata beliau.

Para pemohon perlu memastikan kertas cadangan mereka memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) Mempunyai rakan kongsi ekosistem yang menyeluruh termasuk vendor-vendor teknologi, penyedia penyelesaian, dan pengguna akhir yang disasarkan bagi membolehkan kes-kes kegunaan 5G dapat ditunjuk dan dilaksanakan secara bermakna,
- b) Mempunyai sumber-sumber, kepakaran dan pembiayaan yang mencukupi untuk menyokong Projek Demonstrasi 5G. Semua kos yang berkaitan dengan Projek Demonstrasi 5G itu akan ditanggung oleh pihak yang terlibat,
- c) Mencadangkan satu model perniagaan yang sesuai untuk penggunaan mampan kes-kes kegunaan dalam skala lebih besar di Malaysia pada penghujung Projek Demonstrasi 5G, dan
- d) Diterajui dan diuruskan oleh mereka yang berpengalaman, mempunyai kredibiliti dan integriti.

Pemohon yang berminat adalah digalakkan untuk menghantar kertas cadangan mereka kepada Sekretariat Ujian Percubaan 5G dengan mengisi sebuah borang yang disediakan pada pautan berikut, <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Appendices.pdf> dan e-mel kepada [5GtestbedWG@mcmc.gov.my](mailto:5GtestbedWG@mcmc.gov.my) berserta dokumen yang relevan selewat-lewatnya 15 Julai 2019 ini.

Semua cadangan yang dikemukakan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak MCMC.

---

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC

peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Kamalavacini Ramanathan  
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1000 E-mel: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my)

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

